



**MALYSIAN SOCIETY OF
AGRICULTURAL AND FOOD ENGINEERS**
Est. 1982

SPECTRUM

MSAE



ERAT SEPAKAT MEMBINA LEGASI KEJURUTERAAN PERTANIAN

SEBARAN UNTUK AHLI SAHAJA

TERBITAN : 03/2021

KUNJUNGAN HORMAT MSAE KEPADA PENGURUS BESAR LEMBAGA KEMANJUAN MUDA MALAYSIA (MADA)

Pada 27 Julai 2021 yang lalu, Exco MSAE telah membuat kunjungan hormat secara atas talian kepada Pengurus Besar MADA, YBrs. Tuan Haji Kamarudin bin Dahuli yang baru sahaja dilantik. Antara perkara yang dibincangkan adalah makluman pihak MADA berkenaan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam bidang Penyeliaan Operasi Pengeluaran Padi. MADA juga telah bersetuju untuk menjadi penganjur lokasi NAFEC2022. Di samping itu, MSAE turut menyampaikan Anugerah Keahlian Kehormat daripada MSAE kepada YBrs. Pengurus Besar MADA. Turut menghadiri kunjungan hormat ini ialah Presiden MSAE, Prof Ts. Dr. Rosnah Shamsudin, Naib Presiden (Pentadbiran), Ir. Ts. Mohd Fazly Mail, Dr. Zainun Mohd Shafie, Ir. Dr. Mohammad Effendy Yaacob dan Encik Eddy Herman Sharu.



Gambar 1: Kunjungan hormat dan penyampaian anugerah keahlian kehormat kepada YBrs. Tuan Haji Kamarudin Dahuli, Pengurus Besar MADA.

KUNJUNGAN HORMAT MSAE KEPADA KETUA PENGARAH LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)

Pada 3 Ogos 2021 yang lalu, Exco MSAE telah membuat kunjungan hormat secara atas talian kepada Ketua Pengarah LPNM yang baharu dilantik, YBrs. Tuan Mohd. Khairuzamri bin M. Salleh. Antara perbincangan yang dibuat adalah tentang kolaborasi penyelidikan berkenaan penanaman nanas yang lebih efektif dari segi tenaga dan kos. Pihak LPNM juga berminat untuk memperkasakan mekanisasi penanaman nanas. Pihak LPNM juga bersetuju untuk menerima permohonan pelajar untuk program latihan industri mahupun sebagai warga pekerja LPNM. Pihak LPNM memohon untuk membuat perbincangan selanjutnya berkenaan kolaborasi

bersama dan seminar di peringkat kebangsaan. Di samping itu, MSAE turut menyampaikan Anugerah Keahlian Kehormat daripada MSAE kepada YBrs. Ketua Pengarah LPNM. Turut menghadiri kunjungan hormat ini ialah Presiden MSAE, Prof Ts. Dr. Rosnah Shamsudin, Naib Presiden (Teknikal), Dr. Mohd. Nazren Radzuan, Dr. Nor Nadiyah Abdul Karim Shah, Ir. Dr. Mohammad Effendy Yaacob, Dr. Nur Azuan Hussin dan Encik Aminulrashid Ibrahim.



Gambar 2: Kunjungan hormat dan penyampaian anugerah keahlian kehormat kepada YBrs. Tuan Mohd. Khairuzamri bin M. Salleh, Ketua Pengarah LPNM.

7th SOUTHEAST ASIAN AGRICULTURAL ENGINEERING STUDENT CHAPTER ANNUAL REGIONAL CONVENTION (ARC) 2021

7th Southeast Asian Agricultural Engineering Student Chapter Annual Regional Convention 2021 (ARC 2021) telah diadakan dari 8 Julai sehingga 10 Ogos 2021 yang lalu. ARC2021 dianjurkan oleh Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) dan dipengerusikan oleh Gs. Dr. Wan Nor Zanariah Bt. Zainol @ Abdullah. Tema ARC 2021 adalah 'Advancement of IR 4.0 for Agriculture Sustainability and Food Security'. Program ini mendapat sokongan dan penyertaan yang amat menggalakkan bukan sahaja daripada pelajar Malaysia, malah daripada pelajar antarabangsa. Antara institusi yang terlibat dalam menyertai ARC2021 adalah:

Bil.	Nama Institusi
1.	MSAE-SC (UPM SERDANG), Malaysia
2.	Universiti Putra Malaysia
3.	Universiti Malaysia Pahang (UMP), Malaysia
4.	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Malaysia
5.	MSAE –SC (UniMAP), Malaysia
6.	MSAE-SC (UPM KAMPUS BINTULU), Malaysia
7.	Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia
8.	Universiti Teknologi Mara (UiTM Shah Alam), Malaysia
9.	Politeknik Jeli, Kelanta (PJK), Malaysia
10.	Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Malaysia
11.	Institut PERDA TECH, Malaysia
12.	Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Malaysia
13.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia
14.	Universiti Andalas (UNAND), Indonesia
15.	Universiti Brawijaya, Indonesia
16.	Universiti Udayana, Indonesia
17.	Universiti Gadjia Mada, Indonesia
18.	Universiti Maejo, Thailand
19.	Universiti Papua, Papua New Guinea
20.	Universiti Suranane, Thailand
21.	Universiti Rajabhat, Thailand
22.	Universiti Brunei Darussalam, Brunei
23.	Universiti Hassanuddin, Indonesia
24.	Universiti Thibuvan, Nepal
25.	Universiti Bina Nusantara (BINUS), Indonesia

Jadual 1: Senarai institusi yang menyertai ARC2021



Gambar 3: Poster 7th ARC2021

Terdapat 3 orang penceramah utama iaitu:

Bil.	Nama	Tajuk Ceramah
1.	Prof. Sr. Gs. Dr. Abdul Rashid Mohamed Shariff (UPM).	Precision Agriculture as a Growth Catalyst in Rebuilding a Pandemic Hit Nation.
2.	Prof. Sibudjing Kawi (National University of Singapore).	Catalyst Development for Agricultural Biomass Waste Conversion to Syngas/Hydrogen.
3.	Dr. Yudha Prambudia (Telkom University, Indonesia).	Adoption of Agricultural Service Platform for Sustainable Village Development.

Jadual 2: Senarai penceramah yang terlibat dalam ARC2021

ARC2021 menyediakan beberapa kategori penyertaan dalam pelbagai bidang iaitu a) Bidang Kejuruteraan Pertanian (AE), b) Bidang Kejuruteraan Makanan (FE), c) Bidang Bioteknologi, d) Bidang Teknologi Hijau (GT) dan, e) Bidang Pengurusan Sisa Pertanian (AWM).

Anugerah Pertandingan Video Pembinaan Model (Model Construction Video)					
	AE	FE	BIO	GT	AWM
EMAS	5	1	1	1	1
PERAK	11	1	-	2	2
GANGSA	2	2	-	2	-
MOST FAVOURITE	1	1	1	1	1
Anugerah Pertandingan Poster					
	AE	FE	BIO	GT	AWM
EMAS	14	10	2	6	4
PERAK	28	14	8	11	13
GANGSA	10	10	1	7	11
MOST FAVOURITE	1	1	1	1	1
Anugerah Pertandingan Video Hasil Kajian (Research Output)					
	AE	FE	BIO	GT	AWM
EMAS	4	3	2	1	1
PERAK	8	1	2	1	1
GANGSA	3	2	2	1	1
MOST FAVOURITE	1	1	1	1	1

Jadual 3: Antara senarai jumlah anugerah pemenang mengikut kategori dan bidang